



## **KENYATAAN MEDIA**

### **UNTUK SIARAN SEGERA**

#### **PTPTN DAN IIUM RANGKA KERJASAMA STRATEGIK, TINGKAT PERKHIDMATAN KEPADA PELAJAR**

1. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan International Islamic University Malaysia (IIUM) hari ini telah memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) bagi meneroka peluang dalam meningkatkan kesedaran berhubung kepentingan penabungan melalui Skim Simpanan Pendidikan Nasional (Simpan SSPN) dan bayaran balik pinjaman PTPTN untuk menjamin masa depan pendidikan anak-anak.
2. Majlis menandatagani MoU tersebut telah diadakan di IIUM Kampus Gombak, Kuala Lumpur yang disempurnakan oleh YBhg. Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dzulkifli Abdul Razak, Rektor IIUM manakala PTPTN diwakili oleh YBhg. Encik Ahmad Dasuki Abdul Majid, Ketua Eksekutif PTPTN. Turut hadir dalam majlis ini ialah YBhg. Prof. Dr. Akmal Khuzairy Abd. Rahman, Timbalan Rektor (Pembangunan Pelajar dan Penglibatan Komuniti) IIUM dan YBhg. Puan Mastura Mohd Khalid, Ketua Pegawai Operasi PTPTN.
3. Melalui kerjasama strategik ini, kedua-dua pihak bersetuju untuk mengadakan hubungan dan kerjasama dalam membudayakan amalan penabungan, meningkatkan kefahaman dan kesedaran pelajar tentang bayaran balik pinjaman dan memperkasakan pembangunan penyelidikan serta pendidikan tinggi dalam melahirkan graduan yang berkualiti.
4. Sebagai peneraju tabung pendidikan tinggi negara, misi utama PTPTN ialah menggalakkan masyarakat memulakan simpanan dari seawal usia satu (1) hari, sekali gus mengurangkan kebergantungan kepada pinjaman. Justeru, kerjasama dengan

IIUM sangat dialu-alukan dalam meningkatkan kesedaran pelajar tentang kepentingan perancangan kewangan yang baik sekali gus dapat mengelak keberhutangan melampau di usia muda serta membantu dalam pembentukan sahsiah dan akhlak yang baik pada masa depan.

5. PTPTN dan IIUM bersetuju untuk bekerjasama merangkumi pelbagai skop antaranya:

- i. Membudayakan penabungan Skim Simpanan Pendidikan Nasional (Simpan SSPN) bagi seluruh warga IIUM;
- ii. Membangunkan penyelidikan dan pembangunan agar idea-idea baru dapat ditingkatkan berkaitan kefahaman pelajar terhadap bayaran balik pinjaman dan kepentingan penabungan;
- iii. Meningkatkan kemahiran dan pengetahuan graduan yang berkualiti agar berupaya memenuhi keperluan industri;
- iv. Menjalinkan jaringan kerjasama di dalam meningkatkan kesejahteraan rakyat melalui tanggungjawab sosial korporat antara PTPTN dan IIUM;
- v. Penyampaian informasi/ promosi PTPTN menerusi billboard di premis IIUM; dan
- vi. Jaringan program kerjasama dengan alumni IIUM.

6. Dalam aspek bayaran balik pinjaman, PTPTN sentiasa komited untuk memastikan para peminjam PTPTN dapat melaksanakan tanggungjawab bayaran balik dengan konsisten. PTPTN optimis dengan bantuan galakan dari pihak Universiti, PTPTN dapat mendekati para peminjam dan melaksanakan pelbagai program secara bersama untuk meningkatkan kesedaran mereka tentang kepentingan bayaran balik pinjaman.

7. Sehingga 31 Disember 2022, PTPTN telah membantu seramai 57,954 pelajar yang mengikuti pengajian di IIUM dalam pelbagai bidang melalui pemberian pinjaman pendidikan sekaligus memberi peluang kejayaan kepada mereka.

**Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)**  
**27 Januari 2023**